



Ruj. Kami :  
Tarikh

LPHP 700-1/7/7 ( 2 )  
29 April 2022

## SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN 'A'

YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

### PEKELILING BERKAITAN PENAMBAIKAN BAGI MEMUTUSKAN SENARAI NAMA PEMBELI RUMAH PERAKKU I DAN PERAKKU II

- Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak Bilangan 2 Tahun 2022.

Saya dengan segala hormatnya merujuk pada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) telah menyediakan Pekelilingan Bilangan 2 Tahun 2022 selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak (MMK) Bil. 2058 Kertas Bil. 262/09/02/2022 bertarikh 9 Februari 2022 yang akan berkuatkuasa serta merta dari tarikh kelulusan MMK.

3. Sehubungan dengan itu, bersama-sama ini dilampirkan sesalinan Pekeliling Bilangan 2 Tahun 2022 untuk rujukan pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan.

4. Kerjasama dan keprihatian pihak YBhg. Dato'/Tuan/Puan, amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian,

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"  
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(ROSDI BIN MOHD YAACOB)

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

bp: Ketua Pegawai Eksekutif,

Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak

KB/MR/29042022

"SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN"



## **PEKELILING LEMBAGA PERUMAHAN DAN HARTANAH PERAK**

### **BILANGAN 2 TAHUN 2022**

---

#### **PEKELILING BERKAITAN PENAMBAHBAIKAN BAGI MEMUTUSKAN SENARAI NAMA PEMBELI RUMAH PERAKKU I DAN PERAKKU II**

---

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini disediakan sebagai panduan dan rujukan kepada semua Pegawai Daerah di Negeri Perak selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 2058 Kertas Bil. 262/09/02/2022 iaitu untuk memutuskan senarai nama pembeli Rumah Perakku I dan Rumah Perakku II di Negeri Perak bertarikh 9 Februari 2022.
- 1.2 Pekeliling ini juga bertujuan untuk menambahbaik prosedur perolehan nama pembeli rumah Perakku I dan rumah Perakku II agar seragam dan seterusnya dapat mengelakkan kelewatan dalam pemajuan perumahan.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Adalah dimaklumkan bahawa semua pemaju perumahan yang membangunkan Rumah Perakku I dan Rumah Perakku II di negeri Perak perlu mendapatkan senarai nama pembeli daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP) yang telah disaring dalam sistem e-Perumahan LPHP dan kemudiannya diangkat dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tapisan dan Pemilihan Peringkat Daerah sebelum layak ditawarkan rumah dan dihantar ke pihak bank untuk proses penilaian pembiayaan perumahan seperti mana yang diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil.1972D/13/12/2017.

- 2.2 Namun proses ini telah ditambahbaik di mana melalui Mesyuarat Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak Bil.4/2021 bertarikh 6 Disember 2021 dan juga keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Bil. 2058 Kertas Bil. 262/09/02/2022 bertarikh 9 Februari 2022 telah meluluskan agar senarai nama pembeli hanya perlu dimaklumkan kepada Pegawai Daerah untuk perakuan. Tempoh bagi membuat perakuan tersebut adalah selama sebulan. Sekiranya tiada maklumbalas dari Pegawai Daerah dalam tempoh tersebut, senarai nama pembeli yang dikemukakan dianggap telah diperakukan. Carta alir bagi temuduga peserta rumah Perakku adalah seperti di **Lampiran A**.
- 2.4 Senarai nama yang telah diperakukan oleh Pegawai Daerah perlu dipamerkan di papan notis PDT dan pejabat penghulu serta tempat-tempat awam yang lain dalam masa 2 minggu dari tarikh notis dipamerkan.
- 2.5 Markah pemohon yang telah ditemuduga akan dinilai mengikut kategori yang ditetapkan merangkumi pendapatan, bilangan ahli isirumah, umur, jarak tempat kerja dengan rumah yang dipohon dan status kediaman semasa pemohon. Bagi pemohon yang telah mempunyai tanah atau rumah atas nama sendiri tidak dipertimbangkan, disebabkan syarat untuk membeli Rumah Perakku tertakluk kepada golongan yang belum mempunyai rumah dan merupakan rumah pertama sahaja.
- 2.4 Panel temuduga bagi Rumah Perakku adalah terdiri daripada pegawai LPHP sendiri dan juga wakil daripada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) yang berkenaan. Ini bagi mengesahkan laporan yang diberikan oleh pemohon adalah benar dan juga mengelakkan sebarang ketidaktelusan dalam proses temuduga.

### **3.0 PELAKSANAAN**

- 3.1 Pelaksanaan dasar ini adalah berpandukan tatacara seperti berikut:
  - 3.1.1 Pemohon perlu mendaftar Rumah Perakku di akaun rasmi LPHP iaitu <http://lphp.perak.gov.my/>.
  - 3.1.2 Surat akan dikeluarkan kepada pemohon yang layak untuk ditemuduga mengikut Daerah.
  - 3.1.3 Semua calon yang disokong dalam temuduga akan diperakukan oleh Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dalam tempoh sebulan daripada tarikh surat dihantar ke PDT.
  - 3.1.4 Nama-nama pemohon yang telah diperakukan akan ditampal melalui papan kenyataan di PDT dan pejabat penghulu serta di tempat-tempat yang bersesuaian selama dua (02) minggu daripada notis dipamerkan untuk sesi bantahan.
  - 3.1.5 Cabutan undi akan dibuat setelah selesai sesi bantahan daripada pemohon atau orang awam. cabutan undi dibuat bagi menentukan lot rumah yang bakal diduduki oleh pemohon dan juga untuk memudahkan pemohon membuat permohonan pembiayaan perumahan dengan pihak bank.
  - 3.1.6 Surat tawaran pembelian rumah hanya akan dikeluarkan kepada pemohon yang mendapat pembiayaan dengan pihak bank.

#### **4.0 TARIKH KUAT KUASA**

**4.1 Tarikh perlaksanaan penguatkuasaan Pekeliling ini adalah serta-merta.**

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ROSDI BIN MOHD YAACOB)**

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

b/p Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Perumahan Dan Hartanah Perak

# CARTA ALIR CADANGAN

SARINGAN NAMA PEMOHON  
DARIPADA  
SISTEM E-PERUMAHAN

TEMUDUGA

PENILAIAN MARKAH TEMUDUGA  
DAN KELULUSAN DIBUAT  
OLEH LPHP

TOLAK

TIDAK LULUS  
DAN DIREKODKAN  
DALAM SISTEM

LULUS

SIASATAN SAMA ADA  
DITOLAK ATAU GANTI  
DENGAN CALON  
SIMPANAN

PEGAWAI DAERAH AKAN  
MEMPERAKUKAN NAMA-NAMA YANG  
TELAH DILULUSKAN DALAM TEMPOH MASA  
SEBULAN DARI TARIKH SURAT DITERIMA

LULUS

PEMAKLUMAN SENARAI NAMA DI PAPAN  
NOTIS PEJABAT DAERAH, PEJABAT PENGHULU  
DAN LAIN-LAIN TEMPAT AWAM SELAMA  
2 MINGGU UNTUK SESI BANTAHAN

BANTAHAN  
BERTULIS

TIADA BANTAHAN

CABUTAN UNDIAN LOT  
PERUMAHAN DAN LPHP AKAN  
MENGELUARKAN SURAT  
TAWARAN KEPADA PESERTA

LPHP AKAN MENGHANTAR SENARAI NAMA  
KEPADА PEMAJU BAGI PROSES PENILAIAN  
PEMBIAYAAN OLEH PIHAK BANK